

Malaysia

**TOBACCO
INDUSTRY INTERFERENCE
INDEX 2025**

INDEX GANGGUAN INDUSTRI TEMBAKAU 2025

Tarikh Penerbitan: Mei 2025

**Penulis: Malaysian Women's Action for Tobacco Control & Health
(MyWATCH)**

Penghargaan: Southeast Asia Tobacco Control Alliance (SEATCA)


Latarbelakang dan Pengenalan

Malaysia telah menjadi parti kepada Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk Kawalan Tembakau (FCTC) pada tahun 2005 dan telah menyatakan komitmennya untuk melaksanakan semua obligasi yang termaktub di bawah perjanjian tersebut. Walaupun terdapat banyak kemajuan yang ketara dalam usaha kawalan tembakau secara keseluruhan, namun dalam setahun sebanyak 29,457 nyawa terkorban akibat penggunaan tembakau. Keadaan ini berlaku kerana masih terdapat banyak kelemahan di mana Malaysia masih belum mencapai tahap pematuhan sepenuhnya terhadap obligasi yang ditetapkan dalam FCTC. Tambahan pula, keberkesanan langkah-langkah kawalan yang diambil telah terjejas akibat campur tangan pihak industri tembakau.

Terdapat kira-kira 4.8 juta perokok dewasa di Malaysia. Selain itu, dianggarkan sebanyak 14.5% remaja lelaki dan 3.6% remaja perempuan berumur antara 13 hingga 15 tahun adalah perokok. Kos ekonomi akibat amalan merokok dan penggunaan tembakau di Malaysia dianggarkan berjumlah sekitar RM15.85 bilion setiap tahun.


Saiz pasaran rokok di Malaysia dianggarkan berjumlah MYR4.8 bilion (AS\$1 bilion) pada tahun 2023 (Lampiran A) dan dikuasai oleh tiga syarikat tembakau transnasional utama (Rajah 1). Malaysia mengimport rokok terutamanya dari Indonesia (5.9 bilion batang pada tahun 2022) dan Filipina (2 bilion batang). Pada tahun 2022 juga, Malaysia mengeksport rokok terutamanya ke Emiriah Arab Bersatu (550 juta batang), Thailand (166 juta batang), India (41 juta batang) dan Indonesia (39 juta batang). Pada tahun 2023, Malaysia telah mengimport tembakau mentah bernilai AS\$7.03 juta, terutamanya dari Brazil (AS\$2.07 juta), Argentina (AS\$1.31 juta), India (AS\$820,000), Rusia (AS\$596,000) dan Malawi (AS\$584,000).^{1 2}

Rajah 1: Pegangan Pasaran Rokok di Malaysia



Walaupun BAT Malaysia mendakwa bahawa merokok “menimbulkan risiko kesihatan yang serius”, pada Ogos 2023 ia telah melancarkan rokok jenama Luckies (Luckies Red dan Luckies Blue) untuk “bersaing” dalam kategori rokok murah (nilai untuk wang) (Rajah 2)³. Pada tahun yang sama, susulan penghalalan rokok elektronik, BAT turut melancarkan produk e-rokok Vuse GO. Rujuk Lampiran 3 untuk maklumat lanjut berkaitan promosi rokok.

Rajah 2: Pelancaran Rokok Murah Luckies oleh BAT pada Tahun 2023 dengan harga RM12.00 sekotak



*RM12.00 adalah harga minima bagi kotak 20batang yang dibenarkan oleh undang-undang

BAT melaporkan bahawa gudang baru mereka “dilengkapi dengan teknologi terkini, membolehkan pengurusan perkhidmatan bernilai tambah seperti pembungkusan semula dan pelekat”⁴ serta “memastikan penyesuaian produk yang pantas mengikut keperluan pasaran.” BAT Malaysia menyatakan bahawa mereka akan terus memberi tumpuan kepada pelaburan dalam segmen rokok tradisional, yang masih menyokong keseluruhan perniagaan syarikat.

Masalah tembakau menjadi lebih rumit apabila industri memperkenalkan peranti merokok elektronik (e-rokok dan produk tembakau yang dipanaskan) yang disifatkan sebagai “alternatif yang lebih selamat”, dan penggubal dasar membenarkan diri mereka dipengaruhi untuk menghalalkan produk-produk ini walaupun terdapat semakin banyak bukti dan amaran bahawa semua bentuk penggunaan tembakau adalah berbahaya.

Pada 2022, industri e-rokok melaporkan terdapat 200 pengeluar e-rokok, 100 pengimport, 2,500 kedai pakar dan 7,500 kedai am yang terlibat dalam industri vape.⁵

Pada November 2023, Philip Morris Malaysia (PMM) melancarkan tiga varian produk tembakau yang dipanaskan, IQOS ILUMA — iaitu IQOS ILUMA PRIME, IQOS ILUMA dan IQOS ILUMA ONE⁶, dengan mendakwa bahawa produk ini mengeluarkan 95 peratus lebih rendah tahap bahan kimia berbahaya berbanding rokok konvensional. Pada November 2024, PMM menganjurkan acara “IQOS Together X Kuala Lumpur” untuk mempromosikan produk tembakau yang dipanaskan ini dengan slogan, “Keutamaan kami adalah untuk mewujudkan Malaysia tanpa asap rokok.”⁷ Namun begitu, pengedar tempatan Godfrey Philips (Malaysia) (Philip Morris Malaysia), Ban Chuan Agency Sdn Bhd, pada masa yang sama

sedang merekrut lebih ramai “penjual van rokok” melalui media sosial untuk mengedarkan rokok mereka⁸ (Rajah 3).

Rajah 3: Pengedar Godfrey Phillips (Malaysia): Ban Chuan Agency

Hantaran di mukabuku pada 7 Nov 2024	Kakitangan Agensi Ban Chuan secara kebetulan memakai pakaian seragam merah dan putih (tema warna Marlboro). https://www.facebook.com/BanChuanAgency/about

Walaupun Artikel 5.3 WHO FCTC menyediakan mekanisme yang jelas untuk melindungi dasar kawalan tembakau daripada campur tangan industri tembakau (TI), Malaysia masih belum mencapai sebarang kemajuan dalam melaksanakan langkah tersebut. Akibatnya, usaha kawalan tembakau telah mengalami kelewatan atau terjejas. Dengan akses mudah wakil industri kepada pembuat dasar tertinggi, tiada kenaikan cukai eksais ke atas tembakau sejak tahun 2015, penyahsenaraian nikotin sebagai racun telah dikeluarkan daripada senarai bahan beracun, produk tembakau mudah diperolehi oleh golongan bawah umur, dan kelewatan dalam penggubalan rang undang-undang kawalan tembakau yang akhirnya diluluskan pada Oktober 2023 tanpa komponen GEG (Generasi Penamat)

Industri tembakau dan pihak yang mewakili kepentingannya (rujuk Lampiran B untuk senarai sekutu industri) telah memberi tekanan kepada kerajaan serta campur tangan menentang langkah-langkah ketat. Larangan mempamerkan bungkus rokok di kaunter jualan yang sepatutnya berkuat kuasa pada 1 April 2025 telah ditangguhkan (ditunda ke 1 Oktober) kerana industri (peniaga runcit) mendakwa mereka masih belum bersedia walaupun telah diberi tempoh persediaan selama 14 bulan. Undang-undang tersebut telah diwartakan pada Februari 2024.

Laporan ini merupakan laporan kesembilan Malaysia dalam siri Indeks Campur Tangan Industri Tembakau (TI Interference Index), dan penemuan Indeks 2025 ini menunjukkan terdapat tahap campur tangan industri tembakau yang tinggi secara berterusan dan disertai dengan tindakan kerajaan yang tidak mencukupi untuk melindungi usaha kawalan tembakau negara. Skor Malaysia bagi tahun ini ialah 77, iaitu hampir sama dengan skor se tinggi 76 pada tahun 2023.

Metodologi

Laporan ini berdasarkan soal selidik yang dibangunkan oleh Southeast Asia Tobacco Control Alliance. Terdapat 20 soalan yang berpandukan garis panduan Artikel 5.3. Maklumat yang digunakan dalam laporan ini diperolehi daripada sumber awam sahaja. Satu sistem pemarkahan digunakan untuk membuat penilaian. Skor diberi dalam julat 0 hingga 5, di mana 5 menunjukkan tahap campur tangan industri tertinggi, dan 1 menunjukkan campur tangan yang rendah atau tiada campur tangan. Oleh itu, skor yang lebih rendah adalah lebih baik bagi negara. Skor 0 menunjukkan ketiadaan bukti atau tidak berkenaan. Apabila terdapat pelbagai bukti, skor yang diberikan adalah purata berdasarkan bukti tersebut. Laporan ini merangkumi maklumat tentang insiden dari **April 2023** hingga **Mac 2025**, termasuk juga insiden sebelum tahun **2023** yang masih relevan sehingga kini.

Ringkasan Penemuan

I PENYERTAAN INDUSTRI DALAM PEMBANGUNAN DASAR

Terdapat bukti yang kukuh apabila eksekutif industri tembakau (TI) mengadakan sesi Dialog Terbuka bersama Ahli Parlimen di Dewan Rakyat Malaysia, manakala Kementerian Kesihatan pula mengadakan pelbagai sesi bersama wakil industri dan ahli legislatif (termasuk di premis berdaftar milik Kerajaan).

Sepucuk surat telah dihantar oleh seorang wakil industri tembakau kepada Timbalan Menteri Kewangan ketika itu, memohon supaya Kerajaan segera mengawal selia industri melalui Akta Makanan 1983, (yang mengandungi draf pindaan Akta Makanan dan Akta Racun).

Perintah Duti Eksais (Pindaan) dan penyingkiran nikotin cecair daripada senarai bahan terkawal di bawah Akta Racun membolehkan cukai ke atas e-cecair dikuatkuasakan

MEVTA (Persatuan Malaysia e-Vaporizers & Alternatif Tembakau) dilaporkan telah membuat permohonan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tepat sebelum pengubalan Akta 852 Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok bagi Kesihatan Awam 2024. Malangnya, GEG (yang mengandungi langkah-langkah untuk mengawal selia vape) telah dikeluarkan daripada Rang Undang-Undang Akta 852 tersebut.

Sewajarnya diambil perhatian bahawa MIDA (Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia) telah mempromosikan dan menonjolkan berita berkaitan BAT di laman webnya, menunjukkan sokongan terhadap perniagaan berkaitan tembakau.

2 AKTIVITI CSR INDUSTRI

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri (I) telah melancarkan program “Beyond Benih”, satu kerjasama antara BAT dan peringkat Persekutuan serta Negeri di bawah FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan). Program ini merupakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) BAT yang menggunakan slogan yang sama, iaitu “A Better Tomorrow”.

Pada tahun 2024, Jabatan Pertanian telah menyampaikan Sijil Penghargaan kepada BAT Malaysia sebagai Rakan Strategik bagi projek kebun komuniti “**Kebuniti**”. Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh Philip Morris International (PMI) bersama CiRNet (Pusat Perhubungan dan Rangkaian Industri), yang berpangkalan di Universiti Putra Malaysia (UPM),) turut diberi perhatian untuk aktiviti penanaman pokoknya.

3 MENAFAAT UNTUK INDUSTRI

Terdapat kelewatan lanjut dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta 852 yang sudah pun tertangguh:

- Larangan pada kotak rokok dan paparan peranti merokok elektronik: 1 April 2025, yang sepatutnya memberikan industri tembakau dan nikotin serta peruncit tempoh

14 bulan untuk dipatuhi – kini ditangguhkan lagi ke 1 Oktober 2025.

- Pembungkusan dan pelabelan standard bagi produk merokok: 1 Oktober 2025, yang akan memberikan industri tempoh 20 bulan untuk dipatuhi.

Kerajaan terus memberikan keistimewaan, pengecualian cukai, subsidi, insentif kewangan, atau faedah lain yang dinikmati oleh industri tembakau (sebagaimana yang diketengahkan dalam bahagian 7.1 dan 7.2), termasuk keistimewaan pemindahan operasi yang telah memberi manfaat kepada BAT Malaysia. Dasar MIDA (Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia) untuk meningkatkan pelaburan bagi tujuan eksport turut merangkumi pengecualian duti ke atas tembakau. Duti import ke atas daun tembakau dan rokok pula adalah kurang daripada 5% di bawah ATIGA (Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN – AFTA).

4 INTERAKSI YANG TIDAK PERLU

Terdapat bukti kukuh tentang interaksi yang tidak perlu, termasuk mengalu-alukan kunjungan hormat yang melibatkan wakil industri tembakau bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Anggota Kanan Kabinet Kanan Malaysia serta pegawai tinggi kerajaan. Misi utama kunjungan tersebut adalah untuk mendapatkan sokongan berterusan dalam mewujudkan persekitaran perniagaan dan pelaburan perdagangan yang kondusif (termasuk bagi industri tembakau), serta bagi program advokasi dan penguatkuasaan yang turut melibatkan industri tembakau. Turut diperhatikan bahawa industri tembakau telah membiayai kajian berkaitan perdagangan rokok haram, yang dilaporkan bersifat berat sebelah kerana **berkepentingan sendiri**.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah mempertahankan kehadiran pelobi industri tembakau dan vape yang bertemu dengan Ahli-Ahli Parlimen sebagai sesuatu yang “sesuai dalam mana-mana demokrasi yang matang dan beradab”. Kenyataan ini menunjukkan satu bentuk interaksi yang tidak wajar dan berunsur Konflik Kepentingan, yang bertentangan dengan Artikel 5.3 Konvensyen Rangka Kerja WHO mengenai Kawalan Tembakau (WHO FCTC).

5 KETELUSAN

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat ketidaktelusan berhubung mesyuarat atau interaksi yang diadakan dengan pihak industri berkaitan tembakau. Walau bagaimanapun pengaruh yang tidak wajar diketengahkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sebagai alasan penangguhan dan pemansuhan GEG dalam Rang Undang-Undang Akta 852. Satu surat daripada industri tembakau kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ketika itu telah tersebar. Sekurang-kurangnya dua surat daripada pejabat Kementerian Kewangan (MOF) kepada Kementerian Kesihatan (MOH) menunjukkan sokongan untuk menghalalkan industri vape yang mengandungi nikotin.

6 KONFLIK KEPENTINGAN

Terdapat konflik kepentingan apabila Pasukan Petugas Pelbagai Agensi Kerajaan (MATF) turut melibatkan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), yang diwakili oleh BAT dalam Lembaga Pengarahnya. Keadaan ini boleh membawa kepada pengaruh yang tidak wajar serta mewujudkan legitimasi terhadap keputusan-keputusan Lembaga.

7 LANGKAH PENCEGAHAN

Paling penting, satu Kod Etika perlu dibangunkan dan dilaksanakan, khususnya untuk Kerajaan serta agensi-agensi berkaitan, Ahli Legislatif dan Parti-Parti Politik, selaras dan mengikut Artikel 5.3 FCTC, bagi memastikan integriti dan tadbir urus yang baik dalam pentadbiran kerajaan. Segala bentuk interaksi antara pegawai kerajaan dengan industri tembakau perlu didedahkan secara telus. Industri juga wajib mendedahkan perbelanjaan mereka yang berkaitan dengan pemasaran dan aktiviti melobi, serta sebarang keuntungan kewangan dan/atau manfaat dalam bentuk lain yang diberikan kepada entiti kerajaan kerana perkara ini memberi kesan langsung terhadap usaha advokasi dan kawalan tembakau.

Cadangan

Cadangan 1:

Melaksanakan Kod Etika dengan langkah-langkah berlandaskan etika dan integriti bagi memastikan tadbir urus yang baik di peringkat antara kementerian dan antara agensi. Kod ini harus merangkumi garis panduan yang jelas berkaitan strategi penglibatan, termasuk bagi parti-parti politik dan semua ahli legislatif tanpa pengecualian.

Cadangan 2:

Kerajaan mesti melaksanakan larangan ke atas aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang berkaitan dengan industri tembakau dan menamatkan Memorandum Persefahaman (MOU) yang sedang berjalan dengan BAT Malaysia bagi program “Beyond Benih”.

Cadangan 3:

Perlu diwujudkan satu daftar pendedahan yang mengandungi maklumat mengenai entiti industri tembakau, organisasi yang berkaitan, serta individu yang bertindak bagi pihak mereka termasuk pelobi.

Cadangan 4:

Kerajaan mesti mewajibkan industri tembakau untuk mengemukakan maklumat mengenai pengeluaran dan pengilangan tembakau, pegangan pasaran, perbelanjaan pemasaran, serta segala aktiviti lain termasuk aktiviti melobi, filantropi, dan sumbangan politik.

Cadangan 5:

Disebabkan aktiviti lobi dan campur tangan pihak industri, beberapa klausa penting telah dikeluarkan daripada Akta 852, seperti klausa Generational EndGame (GEG) bagi Produk Rokok. Kerajaan disarankan untuk mempertimbangkan semula penyertaan klausa GEG bagi melindungi kanak-kanak dan generasi akan datang.

Malaysia

Indeks Gangguan Industri Tembakau 2025

Keputusan dan Penemuan

	0	1	2	3	4	5
INDIKATOR 1: Tahap Penyertaan Industri dalam Pembangunan Dasar						
1. Kerajaan menerima ¹⁰ , menyokong atau mengesahkan sebarang tawaran bantuan oleh atau dengan kerjasama industri tembakau <u>atau mana-mana entiti atau orang yang bekerja untuk memajukan kepentingannya.</u> ¹¹ Dalam menetapkan atau melaksanakan dasar kesihatan awam berhubung dengan kawalan tembakau ¹² (Rec 3.4)						5
Selepas mengalami kelewatan, Akta Kawalan Produk Merokok untuk Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) telah diluluskan oleh Parlimen pada Oktober 2023 tanpa klausa penting mengenai penamatan generasi (GEG) yang sepatutnya melindungi generasi akan datang daripada membeli produk tembakau. Sebelum membentangkan rang undang-undang itu pada November 2023, Menteri Kesihatan ketika itu telah menarik balik versi terdahulu rang undang-undang yang telah dibentangkan pada Jun tahun sebelumnya, yang mengandungi larangan penjualan, pembelian, dan penggunaan rokok konvensional serta elektronik oleh sesiapa sahaja yang lahir pada atau selepas 1 Januari 2007. Timbalan Menteri Kesihatan mengakui di Parlimen bahawa industri tembakau dan vape telah berjaya mempengaruhi kerajaan untuk menggugurkan cadangan GEG.¹³ Semasa rang undang-undang kawalan tembakau dibahaskan di Parlimen, wakil industri turut hadir dan melobi agar komponen penamatan generasi dalam rang undang-undang itu digugurkan. Menteri Kesihatan mempertahankan kehadiran pelobi industri tembakau dan vape yang bertemu dengan Ahli Parlimen sebagai sesuatu yang “sesuai dalam mana-mana demokrasi matang dan beradab”, walaupun bertentangan dengan Artikel 5.3 Konvensyen Rangka Kerja WHO mengenai Kawalan Tembakau (WHO FCTC). Bekas Menteri Kesihatan yang pertama kali membentangkan undang-undang itu pada tahun 2022 berkata: “Hari ini adalah hari yang menyedihkan. Saya merangka GEG demi kesihatan awam. Dan rang undang-undang yang saya bawa ke Parlimen yang mengandungi peruntukan GEG serta langkah-langkah untuk mengawal penjualan vape telah mendapat sokongan daripada komuniti kesihatan awam. “Mereka sebenarnya mahu vape diharamkan sepenuhnya. Tetapi kami berjaya mencari jalan tengah dengan memasukkan peruntukan GEG. Kini, peruntukan itu telah digugurkan.”¹⁵ Walaupun Akta 852 telah diwartakan pada 2 Februari 2024, penguatkuasaannya telah ditangguhkan selama 8 bulan sehingga 1 Oktober 2024.¹⁶ Akta ini menetapkan peraturan baharu bagi penjualan produk tembakau dan vape, termasuk larangan paparan secara terbuka di kedai, serta larangan penjualan dalam talian dan melalui mesin layan diri. Harga minimum sebanyak RM12 telah ditetapkan bagi setiap pek rokok, cerut, dan produk tembakau yang dipanaskan. Semua produk tembakau dan vape juga mesti memaparkan amaran kesihatan bergambar dan bertulis seperti yang ditetapkan dalam peraturan.						
2. Kerajaan menerima, menyokong atau menyetujui <u>dasar atau undang-undang yang dirangka</u> oleh atau dengan kerjasama industri tembakau. (Rec 3.4)						5
Pada September 2024, beberapa hari sebelum Akta tersebut dikuatkuasakan, industri vape telah menyerahkan satu memorandum bersama kepada Perdana Menteri di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, bagi membantah peraturan-peraturan yang akan dilaksanakan di bawah Akta 852. Satu gabungan yang terdiri daripada lima wakil industri vape tempatan menggesa Perdana Menteri campur tangan dan mengkaji semula apa yang mereka sifatkan sebagai “langkah yang drastik”.						

BERNAMA

	0	1	2	3	4	5
melaksanakan penguatkuasaan tegas terhadap pengendali aktiviti haram. Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) turut diwakili dalam MATF, dan BAT merupakan ahli lembaga pengarah LKTN. Pada April 2022, EUROCHAM Malaysia telah menghadiri Mesyuarat MATF mengenai Perdagangan Haram Tembakau & Alkohol yang diadakan di Kementerian Kewangan (MOF). Selepas mesyuarat tersebut, EUROCHAM telah mengeluarkan kenyataan yang mengalu-alukan lebih banyak penglibatan seperti ini untuk bekerjasama dengan kementerian dan pihak berkuasa berkaitan, bagi memberi sokongan berterusan dan penguatkuasaan terhadap isu-isu seperti ini, serta mewujudkan kesedaran melalui pelbagai program dan kempen promosi serta advokasi. JTI dan PMI adalah ahli EUROCHAM. Industri tembakau telah membiayai kajian-kajian mengenai perdagangan haram yang secara konsisten menunjukkan tahap yang tinggi, dan secara rutin menyeru kerajaan untuk bekerjasama dengannya. TI menyatakan, <i>“Kerjasama antara kerajaan dan pemain industri seperti JTI Malaysia adalah penting dalam mengenal pasti dan membanteras penyeludupan rokok haram dan e-vape di negara ini.”</i> Malaysia masih belum meratifikasi Protokol mengenai Perdagangan Haram Produk Tembakau.						
10. Kerajaan menerima, menyokong, menyokong secara rasmi, atau menjalinkan kerjasama atau perjanjian tidak mengikat dengan industri tembakau atau mana-mana entiti yang menyokong kepentingannya. (Rec 3.1) CATATAN: Ini tidak termasuk aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), aktiviti penguatkuasaan, atau pembangunan dasar kawalan tembakau kerana perkara tersebut telah diliputi dalam soalan-soalan sebelum ini.	0					
Tiada laporan ditemui dalam domain awam.						
INDIKATOR 5: Ketelusan						
11. Kerajaan tidak mendedahkan secara terbuka mesyuarat/interaksi dengan industri tembakau dalam kes di mana interaksi tersebut benar-benar diperlukan untuk tujuan pengawalseliaan (Rec 2.2).						5
Kerajaan tidak mendedahkan secara terbuka mesyuarat/interaksi dengan industri tembakau dalam kes di mana interaksi tersebut benar-benar diperlukan untuk tujuan pengawalseliaan. Sebagai contoh, kerajaan tidak mendedahkan mesyuarat yang diadakan dengan wakil industri yang melobi untuk penangguhan pelaksanaan larangan paparan kotak pada 1 April 2025 serta keputusan kerajaan untuk menangguhkan pelaksanaan tersebut.						
12. Kerajaan menetapkan peraturan untuk pendedahan atau pendaftaran entiti industri tembakau, organisasi yang bersekutu, dan individu yang bertindak bagi pihak mereka termasuk pelobi (Rec 5.3).						5
Tiada peraturan bagi pendedahan atau pendaftaran entiti industri tembakau, organisasi yang bersekutu, dan individu yang bertindak bagi pihak mereka termasuk pelobi.						
INDIKATOR 6: Konflik Kepentingan						
13. Kerajaan tidak melarang sumbangan daripada industri tembakau atau mana-mana entiti yang berusaha untuk memajukan kepentingannya						5

	0	1	2	3	4	5
kepada parti politik, calon, atau kempen, dan juga tidak mewajibkan pendedahan penuh mengenai sumbangan tersebut. (Rec 4.11) I Tidak Pernah 5 Ya						
Kerajaan terus memegang pelaburan dalam syarikat tembakau: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan salah satu pemegang saham utama BAT, yang telah menyatakan hasratnya untuk beralih kepada pelaburan ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus), dan kini sedang mengurangkan pegangan sahamnya dalam kumpulan tersebut. KWSP, yang sebelum ini mengumumkan akan mengurangkan pegangan sahamnya secara beransur-ansur, kini memegang kira-kira 5% pegangan. Syarikat korporat tidak diwajibkan untuk mengisytiharkan sumbangan mereka kepada parti politik, oleh itu tiada rekod rasmi mengenai sumbangan tersebut, sekiranya ada, daripada syarikat tembakau kepada parti politik.						
14. Bekas pegawai kanan kerajaan merupakan sebahagian daripada industri tembakau (bekas Perdana Menteri, Menteri, Peguam Negara) (Rec 4.4).				3		
Tiada pegawai kerajaan yang baru bersara menyertai industri tembakau dalam tempoh pelaporan. Bekas pegawai yang bersara sebelum ini masih kekal sebagai Pengerusi BAT. Kerajaan tidak mempunyai dasar keluar yang menetapkan tempoh masa sebelum pegawai awam yang bersara menyertai sektor swasta yang perniagaannya bercanggah dengan dasar kerajaan dan kewajipan untuk mengurangkan penggunaan tembakau.						
15. <u>Pegawai kerajaan semasa</u> dan ahli keluarga mereka memegang jawatan dalam perniagaan tembakau termasuk jawatan sebagai perunding. (Rec 4.5, 4.8, 4.10)		1				
Tiada rekod pegawai kerajaan semasa dan ahli keluarga mereka memegang jawatan dalam perniagaan tembakau; pegawai Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara dianggap sebagai pegawai awam.						
INDIKATOR 7: Langkah Pencegahan SKOR untuk bahagian ini: 1. Ya, 2. Ya, tetapi sebahagian sahaja, 3. Polisi/Program sedang dibangunkan, 4. Komited untuk membangunkan polisi/program tersebut, 5. Tiada						
16. Kerajaan telah mewujudkan satu prosedur untuk mendedahkan rekod interaksi (seperti agenda, kehadiran, minit mesyuarat dan hasil) dengan industri tembakau dan wakilnya. (Rec 5.1)						5
Tiada prosedur untuk mendedahkan rekod sebarang interaksi dengan industri tembakau/rokok elektronik dan tiada perkembangan dalam menangani isu ini.						
17. Kerajaan telah merangka, menerima pakai atau melaksanakan kod etika untuk pegawai awam, yang menetapkan piawaian yang perlu dipatuhi dalam urusan mereka dengan industri tembakau. (Rec 4.2); Ya – jika melibatkan seluruh jentera kerajaan; Ya, tetapi sebahagian – jika hanya melibatkan Kementerian Kesihatan (KKM).					4	
Dalam laporan Malaysia 2023 kepada COP, kerajaan melaporkan “NA” di bawah “kemajuan yang dicapai dalam melaksanakan Artikel 5.3 dalam tempoh dua tahun lalu.” Walaupun kerajaan melaporkan “Ya” bahawa mereka “menggunakan Garis Panduan bagi pelaksanaan Artikel 5.3 semasa membangunkan atau melaksanakan dasar,” tiada butiran lanjut diberikan. Dalam Pelan Strategik Kebangsaan Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2021 – 2023, campur tangan industri tidak disebut sebagai satu cabaran, tetapi “kod etika” telah disenaraikan di bawah “Pembentangan dasar						

	0	1	2	3	4	5
baharu di bawah Jawatankuasa Pemandu WHO FCTC.” Namun begitu, kod tersebut masih belum dimuktamadkan sehingga kini.						
18. Kerajaan mewajibkan industri tembakau untuk mengemukakan maklumat secara berkala mengenai pengeluaran, pembuatan, bahagian pasaran, perbelanjaan pemasaran, hasil dan sebarang aktiviti lain termasuk melobi, amal, sumbangan politik dan semua aktiviti TAPS lain seperti CSR atau EPR (COP10), serta maklumat mengenai entiti industri tembakau, organisasi bersekutu dan individu yang bertindak bagi pihak mereka, serta kumpulan yang dibiayai oleh industri tembakau termasuk aktiviti penyelidikan dan pemasaran mereka (Rec 5.2, 5.3, dan Keputusan COP9 dan 10 Keputusan).						5
Kerajaan tidak mewajibkan industri tembakau untuk mengemukakan maklumat mengenai pengeluaran, pembuatan, bahagian pasaran, perbelanjaan pemasaran, hasil dan sebarang aktiviti lain termasuk melobi, amal, sumbangan politik dan semua aktiviti lain. Tiada perkembangan pada tahun 2024 atau 2025.						
19. Kerajaan mempunyai program / sistem / pelan untuk secara konsisten meningkatkan kesedaran dalam kalangan jabatan-jabatannya mengenai dasar yang berkaitan dengan Garis Panduan Artikel 5.3 FCTC. (Rec 1.1, 1.2)						4
Beberapa agensi kerajaan merupakan sebahagian daripada Jawatankuasa Pemandu FCTC yang diselaraskan oleh Kementerian Kesihatan, di mana isu berkaitan Artikel 5.3 dibincangkan. Walau bagaimanapun, tiada maklumat mengenai Artikel 5.3 yang dipaparkan di laman web rasmi Kementerian Kesihatan.						
20. Kerajaan telah mewujudkan dasar untuk tidak membenarkan penerimaan semua bentuk sumbangan/hadiah daripada industri tembakau (sama ada berbentuk kewangan atau sebaliknya) termasuk tawaran bantuan, draf dasar, atau jemputan lawatan sambil belajar yang diberikan atau ditawarkan kepada kerajaan, agensinya, pegawai dan ahli keluarga mereka. (Rec 3.4)						3
Kerajaan tidak mempunyai dasar khusus yang melarang penerimaan sumbangan/hadiah daripada industri tembakau. Namun begitu, Perintah Am dan undang-undang anti-rasuah sedia ada, dan sepatutnya terpakai secara menyeluruh.						
JUMLAH	77					

Lampiran A

	MULTINASIONAL TERATAS KUMPULAN TEBKAU	PEGANGAN PASARAN %	JENAMA
1	British American Tobacco Malaysia	51	Dunhill, Peter Stuyvesant, Luckies, Rothmans
2	Japan Tobacco International Malaysia	25	Mevius, Winton, LD
3	Philip Morris Malaysia Sdn Bhd and Godfrey Phillips (Malaysia) Sdn. Bhd (GPM) GPM has been solely responsible for all PMI's domestic sales in Malaysia		Marlboro, L&M, Chesterfield, Sampoerna

Lampiran B

Industri tembakau dan sekutunya menentang peruntukan dalam rang undang-undang kawalan tembakau

Syarikat Tembakau	
British American Tobacco Malaysia	Analysis of Proposed 2023 GEG Bill in Malaysia from BAT, PMI and JTI 2Firsts, 11 Oct 2023 https://www.2firsts.com/news/analysis-of-the-proposed-2023-public-health-tobacco-control-act-in-malaysia
	'Big win' for Big Tobacco as GEG goes up in smoke; new law regulating vape products introduced The Edge Malaysia, 12 Dec 2023 https://theedgemalaysia.com/node/692675
Japan Tobacco International Malaysia	JTI Malaysia suggests government enact regulations for vaping products The Sun, 27 Feb 2024 https://thesun.my/malaysia-news/jti-malaysia-suggests-government-enact-regulations-for-vaping-products-LG12146591
Philip Morris International	First New Zealand, now Malaysia backtracks on pioneering tobacco ban Sydney Morning Herald, 30 Nov 2023 https://www.smh.com.au/world/asia/first-new-zealand-now-malaysia-backtracks-on-pioneering-tobacco-ban-20231130-p5eo0t.html
Sekutu Industri	
Malaysian Singapore Coffeeshop Proprietors' General Association	Retailers Say Display Ban Of Cigarettes Will Worsen Illicit Trade Business Today, 5 April 2024 https://www.businesstoday.com.my/2024/04/05/retailers-say-display-ban-of-cigarettes-will-worsen-illicit-trade/
Datametrics Research and Information Sdn Bhd (DARE)	Malaysia's vape sector pleads for 'opportunity to breathe' as strict smoking laws loom South China Morning Post, 26 Sep 2024 https://www.scmp.com/week-asia/health-environment/article/3280023/malysias-vape-sector-pleads-opportunity-breathe-strict-smoking-laws-loom
Malaysian Vape Chamber of Commerce	Drastic vape regulations could 'kill' industry, say groups FreeMalaysiaToday 23 Jul 2024 https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/07/23/drastic-vape-regulations-could-kill-industry-say-groups/
	Display ban throws industry a curve a ball TheEdge Malaysia, 5 Feb 2025 https://theedgemalaysia.com/node/742510
	VAPE CHAMBER: BAN WILL PUSH PRODUCTS INTO BLACK MARKET Rashvinjeet S Bedi CNA, 5 Feb 2025 https://www.channelnewsasia.com/asia/malaysia-ready-revisit-vape-ecigarette-ban-health-minister-4915751
Malaysia Retail Electronic Cigarette Association (MRECA)	Vape industry opposes Malaysia's drastic law on vape; fears retail display ban will destroy industry Focus Malaysia, 23 Sep 2024 https://focusmalaysia.my/vape-industry-opposes-malysias-drastic-law-on-vape-fears-retail-display-ban-will-destroy-industry/

Lampiran 3: Promosi Reka Bentuk Pek Rokok Baharu pada 2024

Berikut ialah contoh cara BAT melancarkan semula jenama rokoknya dan menjalankan kempen promosi. Promosi ini dilaporkan dalam laporan Tahunan 2024 dalam bahasa yang lembut.


BAT menjalankan "kempen ekuiti" untuk jenama Dunhill. BAT melancarkan Sambutan Tahun ke-60 Dunhill dengan penjenamaan dalam kedai yang rancak di seluruh negara.

DUNHILL




Pada Q3 2024, BAT memperkenalkan peningkatan pek untuk Rothmans dan pembungkusan baharu untuk Luckies (RM12.00) dengan reka bentuk tip yang inovatif. Promosi telah diadakan di tempat jualan.

Rothmans



Luckies



Lampiran 4: Sekutu Industri Melobi Kerajaan mengenai Rang Undang-Undang Kawalan Merokok pada 2023

Paparan berikut ialah beberapa sesi penglibatan yang berkesan antara kumpulan hadapan pengurangan bahaya (MHSR, DARE, ACATA) dan kumpulan pro-vape (MEVTA, MRECA, MEBA, MVIA, PPVM, MVA dan Persatuan Kedai Kopi) dengan kerajaan untuk melemahkan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok untuk Kesihatan Awam 2023.



22 Februari 2023



YB Tuan Steven Sim Chee Keong
Timbalan Menteri Kewangan
Aras 11, Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana Precint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

Yang Berhormat,

**CADANGAN PINDAAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL
TEMBAKAU 2004 UNTUK MENGAWALSELIA INDUSTRI DAN PRODUK VAPE DI MALAYSIA**

Kami merujuk kepada perkara di atas.

Lanjutan dari perbincangan yang telah berlangsung di pejabat YB Timbalan Menteri Kewangan pada 31 Januari 2023, kami telah memanjangkan cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 kepada pejabat YB Timbalan Menteri Kesihatan untuk mewujudkan suatu rangka kawalselia industri dan produk vape di Malaysia. Bersama-sama ini kami sertakan draf peraturan menteri yang telah kami hantarkan kepada pihak KKM sebagai Appendix A, B dan C untuk rujukan pihak tuan.

Kerajaan Malaysia ditaksirakan kerugian RM866 juta daripada kegagalan mengutip cukai eksais cecair vape pada keseluruhan tahun 2022, dan dihuaatiri akan mengalami kerugian yang lebih besar iaitu RM939 juta pada tahun 2023 selagi cukai eksais tersebut masih gagal dikutip; dan ketirisan ini sama sekali tidak membantu situasi kewangan negara.

Sebagaimana yang kami maklumkan, industri vape dan produk-produk vape yang kini meluas dijual di Malaysia tidak tertakluk kepada suatu kerangka kawalselia yang melindungi pengguna produk-produk vape daripada bahaya bahan ramuan cecair vape yang tidak sah serta memastikan aktiviti komersil dijalankan secara bertanggungjawab oleh semua pemain industri vape.

Kami memohon supaya peraturan-peraturan menteri untuk mengawalselia industri dan produk-produk vape diperbuat dengan kadar segera tanpa menunggu pembentangan rang undang-undang baharu di Parlimen. Dengan cara ini Kerajaan Malaysia dapat mengutip hasil cukai eksais cecair vape dengan segera, mengeluarkan industri vape negara daripada ekonomi gelap selain melindungi pengguna-pengguna produk tersebut.

Letter to YB Steven Sim App
ABC 22 February 2023

online.fliphtml5.com

<http://gg.gg/VAPELETTER>

2:34 PM ✓✓